

BAB 3

KAEDAH DAN PROSEDUR KAJIAN

3.1 Pemilihan Sampel

Buku teks Bahasa Cina KBSR Tahun 2 terbitan The Malayan Press telah dipilih sebagai sampel untuk kajian ini. Terdapat beberapa sebab buku teks Bahasa Cina KBSR Tahun 2 dipilih menjadi sampel, sebab-sebab ini ialah :

- i. Setakat kajian ini dijalankan mula Disember 1997, buku teks Bahasa Cina kurikulum baru yang diperakukuan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia cuma diterbitkan sehingga Tahun 2 sahaja.
- ii. Buku teks ini merupakan buku teks yang baru sahaja diterbitkan. Oleh itu adalah baiknya dikaji sama ada buku teks ini terkandung nilai-nilai murni seperti yang disarankan Pusat Perkembangan Kurikulum Malaysia.
- iii. Setakat ini cuma buku teks Tahun 1 dan Tahun 2 diterbitkan setelah rombakan kurikulum KBSR diperkenalkan Pusat Perkembangan Kurikulum Malaysia. Buku teks Tahun 2 dipilih dan bukan Tahun 1 sebab dianggap buku teks Tahun 2 bakal mengandungi nilai-nilai murni yang lebih menyeluruh berbanding dengan buku teks Tahun 1.
- iv. Buku teks terbitan The Malaya Press dipilih adalah disebabkan buku teks terbitan ini adalah satu-satunya buku teks utama yang digunakan di sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) di Malaysia

3.2 Perkaedahan

Kaedah analisis kandungan buku teks yang pernah digunakan Habib Mat Som digunakan untuk mengesahkan kehadiran nilai-nilai murni itu.

3.3 Instrumen

Tiga instrumen seperti disenaraikan di bawah akan digunakan untuk maksud kajian ini :

- i. Borang Penilaian
- ii. Senarai Semak Nilai Kategori Utama
- iii. Jadual Semakan Nilai Sub-kategori

3.3.1 Borang Penilaian

Borang Penilaian ini akan mencatatkan ringkasan bab-bab buku teks yang dikaji ini. Tiga aspek berikut akan diberi penekanan khusus:

- i. Tajuk bab
- ii. Ringkasan pelajaran
- iii. Kategori nilai murni yang hadir itu

Borang Penilaian ini akan mengandungi ringkasan dan nilai-nilai murni yang telah dikenal pasti oleh pengkaji dan dicatatkan di dalam borang ini. Borang ini seterusnya diedarkan kepada 3 orang guru dan dua orang pensyarah Pendidikan Moral maktab perguruan untuk dijawab mereka.

3.3.2 Senarai Semakan Nilai Kategori Utama

Senarai Semak Kategori Nilai Utama ini mengandungi 16 nilai kategori utama yang dicadangkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum untuk diperkenalkan kepada pelajar-pelajar Darjah 2 itu. Senarai semakan ini dibuat berdasarkan analisis pengkaji setelah diteliti 60 tajuk pelajaran dalam buku teks Bahasa Cina Tahun 2 itu. Di samping itu, hasil pandangan 3 orang guru dan 2 orang pensyarah juga diambil kira. Nilai-nilai yang dimaksudkan ini ialah :

- i. Baik hati
- ii. Berdikari
- iii. Hemah tinggi
- iv. Hormat
- v. Kasih sayang
- vi. Keadilan
- vii. Kebebasan
- viii. Keberanian
- ix. Kebersihan fizikal dan mental
- x. Kejujuran
- xi. Kerajinan
- xii. Kerjasama
- xiii. Kesederhanaan
- xiv. Kesyukuran

xv. Rasional

xvi. Semangat bermasyarakat

3.3.3 Jadual Semakan Nilai Sub Kategori

Terdapat 3 komponen dalam jadual semakan nilai sub kategori ini. Untuk mengenal pasti nilai-nilai sub kategori yang hadir di pelajaran, pengkaji akan membaca teks terlebih dahulu dan mengenal pasti nilai-nilai yang hadir itu dan menandakannya pada petak yang berkenaan. Tiga komponen yang dimaksudkan itu ialah :

- i. Semakan nilai utama yang bersepada dengan sub-kategori untuk setiap bab daripada teks yang dikaji
- ii. Semakan untuk kekerapan penonjolan bagi setiap sub kategori nilai-nilai utama.
- iii. Kekerapan penonjolan sub kategori yang bersepada itu.

Nilai-nilai murni sub-kategori yang termasuk dalam jadual semakan adalah seperti berikut :

- i. Baik Hati
 - (i) Belas kasihan
 - (ii) Bertimbang rasa
 - (iii) Murah hati
 - (iv) Saling faham memahami
 - (v) Kebersihan makanan

ii. Berdikari

- (i). Berupaya bertindak sendiri
- (ii). Yakin kepada diri sendiri

iii. Hemah Tinggi

- (i) Kesopanan
- (ii) Mengakui kesalahan diri
- (iii). Ramah mesra

iv. Hormat

- (i) Hormat dan taat kepada ibu bapa atau penjaga
- (ii) Hormat kepada ahli keluarga, orang yang lebih tua dan pemimpin

v. Kasih Sayang

- (i) Sayangkan diri sendiri dan orang lain
- (ii) Sayangkan alam sekeliling
- (iii) Cintakan negara

vi. Keadilan

- (i) Adil
- (ii) Saksama

vii. Kebebasan

- (i) Kebebasan di sisi undang-undang

vii. Keberanian

- (i) Berani mencuba
- (ii.) Berani kerana benar

ix. Kebersihan Fizikal dan Mental

- (i) Kebersihan diri
- (ii) Kebersihan persekitaran
- (iii) Kebersihan mental

x. Kejujuran

- (i) Amanah
- (ii) Bersikap benar
- (iii) Ikhlas

xi. Kerajinan

- (i) Daya usaha
- (ii) Dedikasi

xii. Kerjasama

- (i) Gotong royong
- (ii) Toleransi
- (iii) Perpaduan

xiii. Kesederhanaan

- (i) Pertuturan dan perlakuan yang sederhana

- (ii) Sederhana dalam menimbangkan kepentingan diri dan orang lain

xiv. Kesyukuran

- (i) Berterima kasih

xv. Rasional

- (i) Membuat pertimbangan

Xvi. Semangat Bermasyarakat

- (i) Bermuafakat
- (ii) Kejiranah
- (iii) Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat

3.4 Kesahan Instrumen

Untuk memastikan kesahan instrumen yang digunakan, pendapat dan pandangan serta komen beberapa orang dalam bidang Pendidikan Moral telah diperolehi. Mereka ini terdiri daripada 3 orang guru Bahasa Cina dan 2 orang pensyarah Pendidikan Moral dari maktab perguruan.

Pengkaji telah menggunakan 4 cara untuk memastikan nilai yang dikenal pasti itu adalah sah dan betul. 4 cara yang dimaksudkan ialah :

- i. Berpandukan kepada pengenalpastian penulis buku teks yang dikaji.
- ii. Berpandukan isi kandungan teks
- iii. Berpandukan tajuk pelajaran
- iv. Berpandukan cara analisis yang dicadangkan Habib Mat Som

3.5 Prosedur Kajian

Carta aliran berikut menunjukkan prosedur kajian dijalankan :

